

SEKTOR KESIHATAN

SOALAN-SOALAN LAZIM

1. Adakah klinik dan hospital kerajaan menyediakan perkhidmatan ujian saringan COVID-19 bagi pekerja swasta?

Tidak. Klinik dan Hospital kerajaan tidak menyediakan perkhidmatan ujian saringan COVID-19 bagi pekerja swasta.

2. Siapakah yang boleh memberikan perkhidmatan saringan dan pengambilan sampel COVID-19?

Ujian saringan dan pengambilan sampel COVID-19 hanya boleh dibuat di Klinik Perubatan Swasta, Pusat Jagaan Ambulatori Swasta dan Hospital Swasta yang telah mendapat kelulusan daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia. Senarai klinik dan hospital yang terlibat boleh didapati daripada pihak Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak melalui email asmahn@moh.gov.my

3. Apakah perkhidmatan di klinik kesihatan yang diteruskan semasa PKPB?

Semua perkhidmatan kesihatan masih diteruskan semasa PKBP iaitu:

- a) Perkhidmatan Jabatan Pesakit Luar
- b) Perkhidmatan kesihatan kanak-kanak (imunisasi dan pertumbuhan, MCHAT)
- c) Perkhidmatan kesihatan ibu hamil
- d) Perkhidmatan kesihatan wanita termasuk Pre-Pregnancy Care
- e) Perkhidmatan rawatan kecemasan

4. Bolehkah saya ke klinik secara 'walk-in'?

Semasa tempoh ini anda tidak digalakkan walk-in ke klinik kecuali bagi kes-kes kecemasan. Sekiranya anda perlu ke klinik, anda disarankan untuk menghubungi klinik kesihatan terdekat terlebih dahulu untuk membuat temujanji. Dalam keadaan kecemasan (kemalangan, trauma, sakit dada, pengsan, pendarahan, sawan), anda boleh terus ke klinik untuk mendapatkan rawatan segera.

5. Apakah yang berlaku apabila saya ke klinik semasa tempoh PKPB ini?

Anda akan dinilai oleh anggota kesihatan sebelum memasuki klinik dengan mengambil suhu badan dan bertanyakan beberapa soalan. Sila jawab dengan jujur soalan-soalan tersebut. Sekiranya jawapan anda menunjukkan anda berisiko rendah, anda dibenarkan masuk ke dalam bangunan klinik. Anda tidak boleh membawa peneman/pengiring ke dalam klinik kecuali untuk kanak-kanak atau warga emas yang memerlukan bantuan. Penjarakan sosial dan kebersihan tangan hendaklah sentiasa diamalkan semasa menunggu. Sekiranya anda berisiko tinggi disyaki COVID-19, anda akan diminta pergi ke tempat khas di luar klinik untuk dinilai dengan lebih teliti sebelum tindakan seterusnya seperti saringan dan kuarantin dibuat, jika perlu.

6. Adakah pemberian imunisasi kanak-kanak diteruskan sewaktu pandemik COVID-19?

Ya, imunisasi bagi kanak-kanak adalah keutamaan dalam pencegahan penyakit berjangkit dan ianya mestilah diteruskan seperti yang terjadual. Bagaimanapun ibu bapa dimohon untuk menghubungi klinik kesihatan terdekat seminggu sebelum tarikh suntikan untuk mendapatkan temujanji ke klinik.

7. Adakah pemberian imunisasi di sekolah perlu diteruskan semasa pandemik COVID-19?

Pemberian imunisasi di sekolah diberhentikan sementara sehingga sekolah bersedia untuk menerima murid-muridnya semula. Bagaimanapun, pemberian imunisasi bagi murid-murid boleh di dapati di klinik-klinik kesihatan dan ibubapa di minta untuk menghubungi klinik kesihatan berdekatan untuk mendapatkan temujanji untuk tujuan ini..

8. Ibu/Bapa/Orang tua saya sudah kehabisan ubat. Bolehkan saya pergi ke Klinik Kesihatan sebagai wakil untuk mengambil ubat tersebut?

Ubat – ubatan "*follow-up*" boleh diambil oleh waris/wakil pesakit terutama bagi pesakit warga emas dan OKU. Pastikan pesakit tersebut tiada tanda-tanda/gejala penyakit atau masalah kesihatan yang perlu diperiksa oleh doktor. Jangan lupa membawa kad atau slip perskripsi pesakit ke klinik kesihatan. Anda juga dinasihatkan untuk menghubungi klinik berkaitan untuk mendapatkan nasihat tentang cara terbaik bagi anda mendapatkan bekalan ubat tersebut.

9. Perlukah saya ke klinik untuk membuat pemeriksaan antenatal sekiranya mengetahui hamil?

Perkhidmatan Kesihatan Ibu masih diteruskan semasa pandemik COVID-19. Anda disarankan untuk membuat panggilan telefon ke klinik kesihatan terdekat untuk membuat temujanji untuk mengurangkan kesesakan di klinik dan menunggu lama di klinik.

10. Bagaimanakah cara untuk saya mendapatkan bekalan ubat perancang keluarga semasa pandemic COVID-19?

Perkhidmatan perancang keluarga masih diterus oleh klinik kesihatan , bagaimanapun anda adalah dinasihatkan untuk menghubungi klinik kesihatan terdekat untuk mendapatkan nasihat tentang tatacara mendapatkan perkhidmatan tersebut.

11. Adakah kanak-kanak yang telah dijangkiti COVID -19 meneruskan pengambilan imunisasi seperti yang dijadualkan?

Ya, sehingga hari ini tiada saranan penangguhan imunisasi yang dinasihatkan untuk mereka yang telah dijangkiti COVID-19.

12. Adakah perkhidmatan perawatan di rumah bagi Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak, Perkhidmatan Perawatan Domisiliari dan Perubatan Paliatif masih diteruskan selagi wabak Covid 19 masih menular?

Ya, KKM masih meneruskan perkhidmatan perawatan tersebut dan orang awam tidak perlu berasa risau dengan risiko jangkitan dari anggota kesihatan yang melakukan perawatan di rumah.

13. Bolehkah mendapatkan ubat susulan dari klinik dan hospital tanpa pergi ke klinik

Pesakit boleh memilih Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP), pandu lalu dan PPUSS

a) Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) dan pandu lalu

Pesakit boleh menggunakan Perkhidmatan Ubat Melalui Pos (UMP) yang disediakan secara percuma sehingga Jun 2020. Pesakit yang berminat boleh membuat pendaftaran atas talian (*on-line*) melalui pautan yang tertera pada laman web Facebook Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak: <https://bit.ly/umpsarawak>

Setakat ini, perkhidmatan ini disediakan di hospital dan klinik besar di bandar utama di Sarawak. Antaranya termasuklah:

- i. Hospital Umum Sarawak (082-276507)
- ii. Pusat Jantung Sarawak (082-668111) (ext: 8882/8883/8884/8885)
- iii. Hospital Sibul (084-343333 ext. 1117)
- iv. Hospital Miri (085-420033 ext. 254/555)
- v. Hospital Bintulu (086-859000 ext. 4306/4307)
- vi. Hospital Sarikei (084-653 333 (ext: 1052/1054)
- vii. Klinik Kesihatan Jalan Masjid, Kuching (082-426150)
- viii. Klinik Kesihatan Batu Kawa, Kuching (082-688 518 (ext: 116)
- ix. Klinik Kesihatan Kota Sentosa, Kuching (082-626077/082-626080(ext: 118)
- x. Klinik Kesihatan Petra Jaya, Kuching (082-288 288 (ext: 204)
- xi. Klinik Kesihatan Tanah Puteh, Kuching (082-342 026)
- xii. Klinik Kesihatan Jalan Oya, Sibul (084-323 355 (ext: 121)
- xiii. Klinik Kesihatan Lanang (084-210 433)
- xiv. Klinik Kesihatan Sarikei (084-657 669 (ext: 24)
- xv. Klinik Kesihatan Bintulu (086-858 177)
- xvi. Klinik Kesihatan Tudan, Miri (085-628 284)
- xvii. Klinik Kesihatan Miri (085-442 364)

b) Farmasi Pandu Lalu

Selain itu, perkhidmatan Farmasi Pandu Lalu disediakan di Hospital Sibul. Pada hari temujanji, pesakit hanya perlu mendapatkan bekalan ubat secara pandu lalu tanpa perlu memasuki bangunan hospital

c) Pusat Pembekalan Ubat Susulan Setempat (PPUSS)

Pesakit dikawasan ini boleh mendaftar di farmasi utama dan mendapatkan ubat di lokasi dibawah:

- i. Klinik Komuniti Taman Malihah, Kuching
- ii. Klinik Komuniti Taman Rejang, Sibul
- iii. Klinik Komuniti Sg Plan, Bintulu
- iv. Klinik Komuniti Taman Tunku, Miri

14. Bagaimana pula untuk pesakit yang berkunjung ke farmasi untuk mengambil ubat susulan tanpa menunggu lama?

Pesakit boleh menggunakan sistem temujanji melalui telefon, Whatsapp, SMS, e-mel, faks dan juga kad temujanji untuk memaklumkan tarikh temujanji pengambilan ubat kepada pihak farmasi dan ubat akan tersedia untuk pengambilan terus di farmasi.

14. Bagaimana hendak mendapatkan maklumat dan nasihat mengenai ubat?

Pertanyaan boleh diajukan kepada pegawai farmasi di fasiliti kesihatan terdekat atau menghubungi Pusat Panggilan Farmasi Kebangsaan (*National Pharmacy Call Centre, NPCC*) melalui talian 1800-88-6722 (Isnin hingga Jumaat, dari jam 8 pagi hingga 5 petang kecuali cuti umum).

JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK

7 Mei 2020